

# **WARGA NO 1 SKUADRON BANTU GOLONGAN ASNAF**



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4937-warga-no-1-skuadron-bantu-golongan-asnaf](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4937-warga-no-1-skuadron-bantu-golongan-asnaf)

SADONG JAYA, 4 Mei 19 - Seramai empat orang pegawai dan 18 orang anggota dari No 1 Skuadron, Pangkalan Udara Kuching telah menjalankan aktiviti jiwa murni untuk membantu golongan asnaf di Kampung Jemukan Laut, Asajaya, Kuching Sarawak.

Sumbangan telah disasarkan kepada 25 ahli keluarga asnaf yang berupa barang keperluan asas harian hasil dari kutipan warga No 1 Skuadron sendiri.

Aktiviti tahunan ini dijalankan adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban mereka iaitu golongan asnaf bagi persediaan menghadapi bulan Ramadhan pada tahun ini.



